

13 JAN 2003

APPF-Deraf (Keganasan)/I

DELEGASI M'SIA GESA PBB ADAKAN PERSIDANGAN DUNIA MENGENAI KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) hari ini digesa mengadakan segera satu persidangan para pemimpin dunia untuk membincangkan definisi paling komprehensif mengenai keganasan serta untuk mengenalpasti dan menangani punca sebenar keganasan.

Gesaan itu dibuat oleh delegasi Malaysia ke mesyuarat tahunan Forum Parlimen Asia Pasifik ke-11 di sini.

Anggota perwakilan Datuk Ruhanie Ahmad, semasa membentangkan deraf resolusi mengenai keganasan di bawah isu Politik dan Keselamatan pada sidang pleno mesyuarat itu, turut menyarankan supaya PBB mengetuai dan menyelaraskan perang dunia terhadap keganasan dalam cara yang lebih saksama, objektif dan efektif.

Beliau berkata APPF patut mengutuk sebarang tindakan tentera secara sendirian, tidak wajar dan tanpa sebab ancaman terhadap mana-mana negara dengan menggunakan helah memerangi keganasan.

Ruhanie menegaskan sekali lagi gesaan masyarakat antarabangsa bahawa PBB merupakan badan yang paling sesuai untuk mengatur kepimpinan bagi peperangan terhadap keganasan, bersesuaian dengan peranan utamanya dalam memelihara keamanan dunia dan keselamatan global.

Isu keganasan menarik penyertaan ramai anggota delegasi dari negara seperti Australia, Indonesia, Jepun, Mexico, Filipina, Chile, Thailand, Kanada dan Malaysia.

Delegasi Australia, yang diketuai Jeannie Ferris, merakamkan ucapan takziah kepada mangsa serangan penganas, di mana jua ia berlaku, dan menggesa parlimen Asia Pasifik supaya mengukuhkan keupayaan negara anggota untuk memerangi keganasan.

Sambil mengutuk serangan penganas, beliau turut menekankan perlunya bagi kerjasama di kalangan negara anggota dan pertubuhan pelbagai hala dalam menghentikan pembiayaan penganas.

Indonesia, dalam jawapannya, berkata mereka yang dituduh bertanggungjawab bagi serangan Bali dijangka akan dibicarakan bulan depan.

Ketua delegasinya, Drs A.M. Fatwa, berkata seperti Australia, rakyat Indonesia juga menderita daripada serangan Bali dan memahami benar kemusnahan yang dialami akibat keganasan terhadap rakyat dan ekonomi negara anggota.

Beliau berkata anggota perwakilan turut menegaskan keperluan untuk memerangi ancaman dengan apa jua cara, mengikut piagam PBB, untuk menafikan penganas dan penyokong mereka akses kepada sistem kewangan antarabangsa dan menghalang pengaliran kewangan kepada rangkaian penganas.

Mesyuarat tiga hari APPF itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Esok, mesyuarat itu dijangka membincangkan isu rentas negara, ekonomi dan pelaburan.

-- BERNAMA

AZH AZH JK RON